



BAHARUDIN bertungkus-lumus membersihkan kawasan kediaman mereka selepas dilanda banjir kilat.

Sudah 'kebal' dilanda banjir

Kuala Lumpur: "Masalah banjir sudah menjadi kebiasaan bagi kami," kata Baharudin Basri, 25, yang mengulas mengenai kejadian banjir kilat yang melanda kediamannya di Jalan Raja Alang, di sini, petang kelmarin.

Baharudin berkata, masalah banjir di kawasan berkenaan masih menemui jalan buntu walaupun sudah puluhan tahun perkara ini berlanjutan mengakibatkan banyak kerugian harta benda.

"Saya dapati keadaan banjir makin teruk dengan

pelbagai kerja pembinaan yang tidak terancang dan longkang yang tersumbat.

"Kawasan ini pasti akan dinaiki air setiap kali hujan lebat jadi penduduk sudah lali dengan keadaan ini kerana air akan surut seperti biasa selepas beberapa jam.

Katanya, penduduk kawasan itu tidak akan berpindah jika rumah dilanda banjir kerana mereka seolah-olah sudah 'kebal' dengan keadaan itu," katanya.

Penduduk, Anis Achiah, 48, melahirkan rasa kesal dengan pihak yang sepatutnya

bertanggungjawab menyelesaikan masalah banjir kilat di kawasan itu yang tidak mengambil berat dengan situasi penduduk yang terpaksa dihadapi setiap kali hujan.

"Saya hanya mampu selamatkan barangan elektrik kerana air naik dengan cepat ketika hujan kilat dan hanya mampu melihat semua pakaian berendam dalam banjir.

"Saya percaya keadaan ini disebabkan beberapa pembangunan tidak terancang dan juga sistem perparitan yang kerap tersumbat," katanya.